

01 FEB 2003

Mahathir-Buku (Bergambar)

KISAH PERJUANGAN DR MAHATHIR PIKAT HATI PENULIS UAE

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Kredibiliti dan kewibawaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menerajui institusi pentadbiran Malaysia telah mendorong seorang wartawan dari Emiriyah Arab Bersatu (UAE) untuk menghasilkan sebuah buku mengenai beliau.

Buku dalam bahasa Arab yang bertajuk "Mahathir Mohamad From An Arab and Muslim Perspective" itu bakal dilancarkan sempena Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) Oktober depan.

Duta Malaysia ke UAE, Datuk Syed Hussein Abdul Kadir Al Habshee berkata buku berkenaan akan turut diterbitkan dalam bahasa Malaysia dan Inggeris awal tahun depan.

"Buku ini masih dalam proses penyusunan dan dijangka siap September ini dan jika tiada sebarang halangan, ia akan dilancarkan secara rasmi semasa sidang kemuncak OIC di Kuala Lumpur Oktober depan.

"Kita memilih untuk melancarkannya semasa OIC kerana buku ini ada kaitan dengan dunia Islam, tambahan pula semua pemimpin Islam termasuk dari negara-negara `yang agak hangat' dijangka turut menghadiri sidang ini," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Sementara itu, pengarang buku berkenaan, Dr Abdulrahim Abdulwahid berkata penulisan buku berbahasa Arab itu bukan sahaja untuk mendapatkan perspektif lebih luas daripada pemimpin-pemimpin negara Islam yang lain, tetapi juga sebagai bukti bahawa dunia Arab amat mengagumi ketokohan Dr Mahathir.

Katanya niat untuk menghasilkan buku seumpama itu timbul selepas mendapati kalangan pembaca Arab kurang menyedari peranan dan sumbangan Dr Mahathir ke atas mereka selama ini.

"Bagi saya, Dr Mahathir ialah pemimpin Islam yang dapat memberikan imej yang amat baik terhadap Islam, terutamanya semasa tragedi 11 Sept di mana orang mula mempunyai prejudis terhadap masyarakat Islam," katanya.

Katanya, keberanian Dr Mahathir dalam menegakkan pendapat bahawa Islam dan penganutnya bukan penganas kepada kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat amat disanjung tinggi.

"Tidak ada pemimpin Arab yang begitu berani seperti beliau setakat ini," katanya.

-- BERNAMA

SOP KHY ROS